



**GARIS PANDUAN PENGURUSAN GERAN PENYELIDIKAN TAMAT
DAN TIDAK AKTIF**

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

BIL 1/2022

Tafsiran

1.1 Sumber Peruntukan

1.1.1 Sumber Kerajaan

Peruntukan yang diterima daripada kerajaan bagi setiap projek penyelidikan sama ada secara penuh atau sebahagiannya.

1.1.2 Sumber Dalaman

Peruntukan yang diterima selain daripada dana kerajaan.

1.2 Geran penyelidikan dikategorikan dalam beberapa kategori iaitu

1.2.1 Geran Penyelidikan UTeM

1.2.2 Geran Penyelidikan Nasional

1.2.3 Geran Penyelidikan Swasta

1.2.4 Geran Penyelidikan Antarabangsa

1.3 Tafsiran khusus geran penyelidikan adalah lebih menjurus kepada definisi geran penyelidikan mengikut parameter penting dalam pengurusan projek penyelidikan di setiap IPT. Tafsiran adalah merujuk kepada Dokumen Glosari MyRA pindaan 2017 serta amalan efektif Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi, UTeM seperti di Jadual 1:

Jadual 1: Tafsiran berdasarkan kategori geran penyeldikan UTeM

KATEGORI	JENIS GERAN	SUMBER PERUNTUKAN	TAFSIRAN	KOD
Geran UTeM	PJP	UTeM	<ul style="list-style-type: none"> i. Geran penggalakan kepada Penyelidik Muda. ii. Penerima adalah Penyelidik yang tidak memiliki sebarang geran penyelidikan semasa. 	SXXXXX
	PJP High Impact		<ul style="list-style-type: none"> i. Melahirkan kumpulan penyelidikan yang cemerlang. ii. Meningkatkan dan memperkasa kualiti penyelidikan dan inovasi (P&I) agar UTeM dapat menerajui kecemerlangan dalam bidang-bidang yang dikenalpasti. 	SXXXXX
	PJP-Top Down		<ul style="list-style-type: none"> i. Membangun dan meningkatkan penghasilan <i>quick win</i> yang menyokong nic UTeM. ii. Merupakan projek penyelidikan yang membantu kepada penyelesaian masalah semasa di UTeM. 	SXXXXX
	IRMG (Padanan Industri)	Kerajaan dan Industri	<ul style="list-style-type: none"> i. Merupakan projek penyelidikan usaha sama di antara UTeM dan Rakan Industri yang akan membiayai kos projek secara sama rata iaitu 1:1 dalam tempoh yang dipersetujui. ii. Kemasukan dana secara tunai daripada industri ke Bendahari UTeM mengikut nisbah padanan secara sama rata. iii. <i>In-kind</i> dari pihak industri digalakkan. iv. MoA perlu ditandatangani antara pihak UTeM dan Rakan Industri dalam tempoh 6 bulan projek dijalankan. Dokumen MOA perlu dibincangkan dengan pihak PUU sebelum Mesyuarat JKTSPI. v. Kemasukan dana akan berlaku selepas MoA ditandatangani. Projek didaftarkan selepas dana dimasukkan ke Bendahari UTeM. 	IXXXXX

Geran UTeM	AORG	Kerajaan dan Industri	<ul style="list-style-type: none"> i. Dana ini diberikan kepada Penyelidik untuk menjalankan projek penyelidikan berskala kecil dalam masa yang singkat dengan jaringan pihak industri. ii. Geran ini memerlukan Penyelidik bekerjasama dengan industri melalui kaedah penyelidikan. iii. Tiada sebarang dana daripada Pihak Industri tetapi digalakkan mempunyai (<i>In-kind</i>) daripada industri. 	SXXXX
	Padanan IPT Antarabangsa	UTeM	<ul style="list-style-type: none"> i. Merupakan projek kerjasama dengan IPT antarabangsa dan mempunyai MoA/MoU. ii. Tiada transaksi peruntukan daripada pihak IPT antarabangsa tetapi memberi kredit kepada UTeM 	SXXXX
	Padanan IPT Tempatan	UTeM	<ul style="list-style-type: none"> i. Merupakan projek kerjasama dengan mana-mana IPT dan mempunyai MoA. ii. Tiada transaksi peruntukan daripada pihak IPT luar tetapi memberi kredit kepada UTeM 	SXXXX
Geran Nasional	FRGS	Kementerian Pendidikan Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> i. Geran penyelidikan asas yang menghasilkan teori, konsep dan idea baru dalam penyelidikan. 	FXXXX
	ERGS		<ul style="list-style-type: none"> i. Skim Geran Penyelidikan Eksploratori (ERGS) ini dapat menggalakkan penyelidikan awal serta menggalakkan penerokaan ilmu yang boleh memberi sumbangan kepada peningkatan tahap intelektual, penciptaan teknologi baru dan penyuburan budaya yang dinamik selaras dengan aspirasi negara. 	EXXXX
	TRGS		<ul style="list-style-type: none"> i. Program ini mesti melibatkan minimum tiga (3) projek di bawah kluster yang berbeza dari institusi yang sama.. ii. Penyelidikan TRGS merupakan penyelidikan asas dan eksploratori yang boleh menghasilkan teori, konsep dan idea baru demi perkembangan ilmu. 	DXXXX
	PRGS		<ul style="list-style-type: none"> i. Dana yang diwujudkan bagi pembangunan prototaip untuk merapatkan jurang di antara penemuan makmal/penyelidikan sehingga sebelum prapengkomersialan. ii. Ini termasuk pembuktian konsep (proof of concept), penilaian (evaluation), skala naik (up-scaling), ujian pra-klinikal (pre-clinical testing) dan ujian lapangan (field testing). 	TXXXX

Geran Nasional	LRGS	Kementerian Pendidikan Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> i. Geran Penyelidikan berkonsepkan pasukan (minimum 3 IPT) ii. LRGS adalah penyelidikan yang bersifat fundamental, melibatkan skop yang I menyeluruh; dan tempoh masa yang panjang(3-5 tahun) serta memerlukan komitmen yang tinggi. iii. LRGS boleh menghasilkan teori dan idea baru yang terkehadapan dalam nic-nic yang strategik untuk perluasan sempadan ilmu. 	RXXXX
	MyLAB		<ul style="list-style-type: none"> i. Program penyelidikan yang berfokuskan kepada 4 bidang teknologi yang melibatkan sekurang-kurangnya 3 makmal penyelidikan di pelbagai IPT atau industri yang berkaitan. 	MLXXXX
	MTUN		<ul style="list-style-type: none"> i. Inisiatif MTUN ini melibatkan usaha kerjasama secara kolektif MTUN dalam membantu Rakan MTUN meningkatkan budaya penyelidikan dan seterusnya dapat meningkatkan output hasil penyelidikan merangkumi penerbitan, penemuan inovasi/IP, geran penyelidikan, bilangan PI dan sebagainya. ii. Dana penyelidikan disumbangkan oleh setiap Rakan MTUN untuk projek penyelidikan. iii. Berlaku transaksi di Bendahari UTeM Ketua Penyelidik. 	MXXXX
	RACE		<ul style="list-style-type: none"> i. Inisiatif RACE ini melibatkan usaha kerjasama secara kolektif Universiti RU dalam membantu RakanRU meningkatkan budaya penyelidikan dan seterusnya dapat meningkatkan output hasil penyelidikan merangkumi penerbitan, penemuan inovasi/IP, geran penyelidikan, bilangan PI dan sebagainya. ii. Usaha ini dapat mempercepatkan Rakan RU untuk mencapai tahap setanding dengan RU yang lain. iii. Pelaksanaan inisiatif RACE ini melibatkan usaha menggerakkan penyelidikan yang mana universiti perlu mempunyai sekurang-kurangnya 30% penyelidik yang boleh menjadi “champions” bagi memacu agenda penyelidikan di universiti masing-masing. 	FXXXX

Geran Nasional	RAGS	Kementerian Pendidikan Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> i. Dana Pembudayaan Penyelidikan (RAGS) ialah dana tunas yang bertujuan untuk membudayakan penyelidikan di kalangan penyelidik muda di Universiti Awam (UA) bukan Universiti Penyelidikan (RU) sebagai persediaan untuk membangunkan prestasi penyelidikan supaya dapat berdaya saing di peringkat kebangsaan. 	BXXXX
Geran Nasional	KTP	Kementerian Pendidikan Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> i. Geran penyelidikan yang memberi penekanan kepada pembangunan modal insan dan intelek berkualiti bagi mendukung dan menayakan aspirasi negara untuk menjadi makmur dan kompetitif. ii. Memberikan latihan berdasarkan industri kepada graduan bagi meningkatkan pengetahuan dan pengalaman, kemahiran keusahawanan dan kebolehpasaran graduan. 	KXXXX
	CREST	CREST , UTeM dan Swasta/ Industri	<ul style="list-style-type: none"> i. Geran untuk projek penyelidikan yang boleh menyumbang kepada bidang tujuan CREST. ii. Dana penyumbang 50% dari industri dan selebihnya dari CREST dan UTeM. 	IXXXX
	CLMV	Kementerian Pendidikan Malaysia & Asia Tenggara	<ul style="list-style-type: none"> i. Geran untuk projek penyelidikan yang boleh menyumbang kepada membantu negara CLMV dan negara rakan terpilih dalam mewujudkan penemuan idea-idea baru dan memberi tumpuan kepada penyelidikan berimpak tinggi dan inovatif dalam tempoh yang ditetapkan. ii. Pemberi dana sepenuhnya dari KPT iii. Sekurang-kurangnya kerjasama dari 3 buah universiti tempatan. 	KXXXX
	Science Fund	MESTECC	<ul style="list-style-type: none"> i. Geran untuk projek penyelidikan yang boleh menyumbang kepada penemuan idea-idea baru dan memberi tumpuan kepada penyelidikan berimpak tinggi dan inovatif. 	LXXXX
	Techno Fund		<ul style="list-style-type: none"> i. Geran yang bertujuan merangsang pertumbuhan industri perusahaan negara dengan meningkatkan tahap R&D. ii. Projek untuk pembangunan teknologi sehingga peringkat pra-pengkomersilan dengan potensi komersial mewujudkan perniagaan baru dan menjana kekayaan ekonomi negara. 	TFXXXX

Geran Nasional	Smart Fund	MESTECC	<ul style="list-style-type: none"> i. Dana Smart Challenge (SMART Fund) adalah inisiatif kerajaan kepada usahawan dan penyelidik bagi membiayai projek-projek penyelidikan dalam bidang keutamaan dan keperluan strategik yang telah dikenalpasti (teknologi baru, proses, produk) dengan jangkaan bahawa hasil penyelidikan akan dapat menyelesaikan isu nasional dan mengenalpasti penyelesaian jangka masa panjang. ii. Projek-projek yang dicadangkan mestilah <i>specific, measurable, achievable, realistic and timely</i> (SMART) iii. Projek-projek yang dicadangkan mestilah dirangka dengan baik, disahkan secara saintifik, dan berdaya saing dengan teknologi dan penyelidikan terkini. 	SFXXXX
	Go Fund		<ul style="list-style-type: none"> i. Dana ini disediakan bagi membantu pemohon mengurangkan jurang kegagalan (valley of death) antara fasa pra pengkomersialan kepada pengkomersialan. 	GFXXXX
	InnoFund		<ul style="list-style-type: none"> i. Inno Fund adalah satu skim dana yang membiayai pembangunan atau penambahbaikan produk baru atau sedia ada, proses atau perkhidmatan dengan unsur-unsur inovasi. ii. Projek itu mesti mempunyai nilai ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat. iii. Inno Fund boleh dikategorikan kepada Enterprise Inno Fund (EIF) dan Community Inno Fund (CIF). 	IFXXXX
Geran Industri / Swasta	PPRN	Kementerian Pendidikan Malaysia & Industri	<ul style="list-style-type: none"> i. Merupakan projek penyelidikan yang berlandaskan kepada penyelesaian masalah industri tempatan. ii. 10% dana daripada swasta dan 90% daripada KPT. 	GXXXX
	Kontrak	Pihak swasta	<ul style="list-style-type: none"> i. Merupakan projek penyelidikan yang anugerahkan kepada Ketua Penyelidik di UTeM dalam tempoh tertentu. ii. Dana daripada swasta sepenuhnya. iii. Berlaku transaksi kewangan ke Bendahari UTeM iv. Penganugerahan dana perlu beserta memorandum perjanjian (MoA) dan berkaitan projek penyelidikan yang telah dipersetujui. 	KXXXX

Geran Industri / Swasta	Geran Khas	Kementerian Pendidikan Malaysia / Pihak swasta /NGO	<ul style="list-style-type: none"> i. Tawaran geran yang dianugerahkan untuk projek penyelidikan dengan tujuan memberi penyelesaian kepada permasalahan organisasi/syarikat pemberi dana. ii. Dana daripada pemberi dana sepenuhnya iii. Berlaku transaksi kewangan ke Bendahari UTeM. iv. Mengikut jangkamasa yang dipersetujui oleh kedua belah pihak. v. Perlu mempunyai surat niat, MoA atau MoU. 	GXXXX
Geran Antarabangsa	Antarabangsa	Pihak Antarabangsa	<ul style="list-style-type: none"> i. Geran daripada pihak Industri/Universiti/Pusat penyelidikan Antarabangsa. ii. Tawaran geran yang dianugerahkan kepada UTeM dan diketuai oleh ketua penyelidik bagi menjalankan sesebuah projek penyelidikan. iii. Dana kewangan penyelidikan sepenuhnya daripada pihak Antarabangsa. iv. Berlaku transaksi kewangan ke Bendahari UTeM. v. Kemasukan dana akan berlaku selepas MoA ditandatangani vi. Projek didaftarkan selepas dana dimasukkan ke Bendahari UteM. v. Perlu mempunyai surat niat, MoA atau MoU. 	AXXXX

Rujukan : Garis Panduan Penyelidikan, UTeM Versi 3/2019

2.0 Pengurusan Geran Penyelidikan

- 2.1 Pengurusan geran penyelidikan adalah dibawah pantauan Pusat Penyelidikan dan Inovasi (CRIM)
- 2.2 Pihak CRIM bertanggungjawab memastikan pengurusan geran penyelidikan adalah mematuhi garis panduan pemberi dana atau perjanjian yang dimeterai diantara UTeM dan pemberi dana.
- 2.3 Pengurusan kewangan geran penyelidikan adalah tertakluk kepada peraturan kewangan UTeM yang sedang berkuat kuasa.
- 2.4 Pejabat Bendahari boleh menolak segala perbelanjaan tidak mematuhi peraturan kewangan yang sedang berkuat kuasa.

3.0 Penutupan Akaun Geran

- 3.1 Penutupan akaun geran bagi geran yang telah tamat tempoh adalah selepas dua (2) bulan daripada tamat tempoh geran berkaitan.
- 3.2 Status akaun geran akan berubah dari status aktif ke tidak aktif.
- 3.3 Penyelidik tidak dibenarkan untuk membuat sebarang perbelanjaan selepas tarikh tamat projek penyelidikan.
- 3.4 Perbelanjaan yang dilakukan selepas tamat tempoh geran penyelidikan dan tidak diluluskan adalah tertakluk kepada Arahan Pembayaran 59 (AP 59).


4.0 Pengurusan Baki Peruntukan Geran Penyelidikan

- 4.1 Pejabat Bendahari akan melaporkan baki peruntukan geran penyelidikan kepada pihak CRIM.
- 4.2 Peruntukan geran penyelidikan yang telah tamat dan tidak aktif hendaklah disemak dan disahkan oleh pihak CRIM.
- 4.3 **Baki peruntukan geran penyelidikan yang disahkan akan dilaraskan ke akaun Tabung Kekal mengikut kepada jenis geran.**

5.0 Tatacara Pengurusan Baki Peruntukan Geran Tamat dan Tidak Aktif

Bil.	Aktiviti	Tindakan	Dokumentasi
1.	Menyedikan maklumat geran penyelidikan yang telah tamat dan tidak aktif.	Zon Kewangan	<ul style="list-style-type: none"> i. Borang Pengesahan Baki Peruntukan Geran Tamat dan Tidak Aktif ii. Dokumen sokongan yang berkaitan
2.	Semakan maklumat geran penyelidikan yang telah tamat dan tidak aktif	CRIM	
3.	Mengesahkan maklumat geran penyelidikan yang telah tamat dan tidak aktif	CRIM	<ul style="list-style-type: none"> i. Borang Pengesahan Baki Peruntukan Geran Tamat dan Tidak Aktif ii. Surat Tamat Tempoh Geran Penyelidikan
4.	Menyediakan surat arahan pelarasan baki peruntukan baki peruntukan geran penyelidikan yang telah tamat dan tidak aktif	Zon Kewangan	<ul style="list-style-type: none"> i. Surat pelarasan ke tabung ii. Borang Pengesahan Baki Peruntukan Geran Tamat dan Tidak Aktif iii. Dokumen sokongan yang berkaitan
5.	Pelarasan pelarasan baki peruntukan baki peruntukan geran penyelidikan yang telah tamat dan tidak aktif ke tabung kewangan	Pejabat Bendahari	
6.	Fail dan selesai	Zon Kewangan	

6.0 Carta alir Pengurusan Baki Peruntukan Geran Tamat dan Tidak Aktif



7.0 Pemulangan Baki Peruntukan Geran Tamat dan Tidak Aktif

- 7.1 Status lebihan baki geran yang telah tamat dan tidak aktif perlu merujuk kepada arahan daripada pihak Pemberi Dana atau tertakluk kepada perjanjian geran yang dipersetujui.
- 7.2 Proses pemulangan baki peruntukan adalah melalui permohonan daripada pihak CRIM.